



## KENYATAAN MEDIA

### PENGEMASKINIAN LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN COVID-19

***Bandar Seri Begawan, Isnin, 28 November 2022***

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jawatankuasa Pandu COVID-19 dengan ini memaklumkan mengenai **pengemaskinian langkah-langkah pengawalan COVID-19 yang akan bermula pada hari Khamis, 1hb., Disember 2022**, seperti berikut:

1. Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam termasuk warganegara asing yang berkeinginan untuk membuat perjalanan keluar dan masuk ke negara ini melalui darat, laut dan udara **tidak lagi dimestikan untuk mempunyai insurans perjalanan perubatan yang meliputi COVID-19**. Walau bagaimanapun, mereka yang berhasrat untuk mendapatkan insurans perjalanan perubatan berkenaan untuk meragapkan hati atau mendapat ketenangan fikiran semasa berada di luar negara adalah dialu-alukan. Insurans perjalanan perubatan yang dimaksudkan seharusnya meliputi apa jua kos perubatan atau rawatan yang mungkin diperlukan jika berlaku sesuatu yang di luar jangkaan semasa berada di luar negara yakni tidak terhad kepada jangkitan COVID-19 sahaja.

Sementara itu, rakyat Negara Brunei Darussalam yang hendak membuat perjalanan keluar negara adalah juga digalakkan untuk memaklumkan kepada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri mengenai butiran perjalanan keluar negara dengan mendaftarkan maklumat tersebut melalui *MFA e-Register* di laman sesawang Kementerian berkenaan. Pendaftaran ini akan memudahkan pihak Kementerian tersebut mengenalpasti rakyat negara ini yang berada di luar negara jika berlaku sebarang insiden kecemasan di negara yang dikunjungi.

2. Waktu operasi pos-pos kawalan darat iaitu Pos-Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujoh, Labu, Ujong Jalan dan Kuala Lurah yang pada masa ini beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam, **akan diubah menjadi bermula jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam**. Manakala waktu operasi pos-pos kawalan laut iaitu Feri Terminal Serasa, Feri Kenderaan Serasa, Pelabuhan Muara dan Dermaga Kuala Belait **adalah dikekalkan iaitu dari jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam**.



3. Bermula pada tarikh yang sama, **pengagihan bantuan makanan kepada kes-kes COVID-19 tidak lagi akan dilaksanakan.** Dalam pada itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus menghulurkan bantuan kepada golongan-golongan yang memerlukan, sama seperti keadaan sebelum berlakunya Pandemik COVID-19.

Jawatankuasa Pandu COVID-19 akan terus memantau keadaan semasa jangkitan COVID-19 di negara ini di samping memastikan apa jua langkah-langkah pengawalan yang dikenakan adalah bersesuaian, demi menjaga keselamatan, kesejahteraan dan keamanan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Apa jua perubahan dan pengemaskinian sudah setentunya akan segera dimaklumkan kepada orang ramai.

Marilah kita sama-sama berdoa agar Allah *Subhanahu Wata'ala* akan sentiasa memberikan perlindungan dan keselamatan kepada kita daripada apa jua bencana dan wabak, termasuk jangkitan COVID-19 ini. *Amin ya rabbal 'alamin.*

#### **JAWATANKUASA PANDU COVID-19**

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

4hb., Jamadilawal 1444  
28hb., November 2022



## **MEDIA STATEMENT**

### **UPDATES ON COVID-19 CONTROL MEASURES**

***Bandar Seri Begawan, Monday, 28<sup>th</sup> November 2022***

With the consent of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, the COVID-19 Steering Committee wishes to announce the latest amendments to COVID-19 control measures which will **commence on Thursday, 1<sup>st</sup> December 2022**, as follows:

1. Citizens and residents of Brunei Darussalam including foreign nationals who wish to exit and enter the country via land, sea and air **will no longer be required to possess a travel medical insurance with COVID-19 coverage**. However, travellers who wish to obtain such insurance for their own peace of mind are welcomed to do so. Such insurance should cover any medical or treatment costs that may be incurred following any unexpected incident whilst overseas i.e. not limited to COVID-19 infections alone.

Citizens of Brunei Darussalam who are travelling overseas are also encouraged to inform the Ministry of Foreign Affairs of their travel details by submitting them via the *MFA e-Register* on the Ministry's website. Registration of these details will enable the Ministry to identify Brunei citizens who are overseas in the event of an emergency incident occurring in a particular country.

2. Operating hours for land control posts, namely Sungai Tujoh, Labu, Ujong Jalan and Kuala Lurah Immigration Control Posts, which are currently operating from 6.00 a.m. to 8.00 p.m., **will be amended to 6.00 a.m. to 10.00 p.m.** Meanwhile, sea control posts at Serasa Terminal Ferry, Serasa Vehicle Ferry, Muara Port and Kuala Belait Wharf **will continue to operate from 6.00 a.m. to 8.00 p.m.**
3. Also commencing on the same date, **food distribution for COVID-19 cases will be discontinued**. However, the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam through the Ministry of Culture, Youth and Sports will continue to provide assistance to those in need, similar to the situation prior to COVID-19 Pandemic.



The COVID-19 Steering Committee will continue to monitor the current situation of COVID-19 in the country while ensuring that any control measures imposed are appropriate, in order to maintain the safety, security and well-being of the citizens and residents of Brunei Darussalam. Any changes and updates will be announced immediately to the public.

May Allah *Subhanahu Wata'ala* protect us from any kind of unforeseen circumstance and disease, including COVID-19. *Amin ya rabbal 'alamin.*

***COVID-19 STEERING COMMITTEE***

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

4<sup>th</sup> Jamadilawal 1444

28<sup>th</sup> November 2022